



**KOMPILASI ISU DAN CADANGAN YANG DIBANGKITKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
BAGI TAHUN 2018**

MBJ KPLB

**BUTIRAN PELAKSANAAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
TAHUN 2018**

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	Tempat	Pengerusi
1/2018	6 Mac 2018	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KPLB	YBhg. Datuk KSU
2/2018	4 Jun 2018	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KPLB	YBhg. Datuk KSU
3/2018	13 September 2018	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KPLB	YBhg. Dato' SUBK (KP)
4/2018	15 November 2018	Bilik seminar 3, HIG Hotel Pulau Langkawi	YBhg. Dato' SUBK (KP)

**JUMLAH ISU/CADANGAN MENGIKUT KATEGORI
YANG TELAH DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
TAHUN 2018**

KATEGORI ISU	BILANGAN ISU/CADANGAN					
	2017	1/2018	2/2018	3/2018	4/2018	JUMLAH
Elaun dan Kemudahan	-	-	-	3	1	4
Kewangan	-	-	1	1	-	2
Perkhidmatan	-	1	-	1	3	5
Skim Perkhidmatan dan Perjawatan	-	1	-	1	-	2
Kebajikan	-	-	1	-	-	1
Pentadbiran	1	2	2	4	1	10
Hal-hal Lain	-	2	2	-	-	4
JUMLAH	1	6	6	10	5	28

**SENARAI ISU/CADANGAN YANG TELAH DIBINCANGKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
TAHUN 2018**

KATEGORI : **ELAUN DAN KEMUDAHAN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **4**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Pihak Pekerja memohon agar kemudahan alat komunikasi mudah alih tersebut dipanjangkan kepada pegawai Gred 48 hingga 52 yang memegang jawatan sebagai Ketua Bahagian/Unit.	Cadangan agar pembelian telefon bimbit bagi pegawai yang layak menggunakan peruntukan kewangan Bahagian/Unit masing-masing tertakluk kepada sokongan SUB Bahagian dan kelulusan Pegawai Pengawal.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Bhg. Kew
2.	Pihak Pekerja memohon penjelasan berkaitan tuntutan Elaun Lebih Masa (ELM) bagi pegawai-pegawai di KPLB seperti mana Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKLW Bilangan 4 Tahun 2018 para 4.2 iaitu tempoh minimum yang dibenarkan bagi tujuan tuntutan bayaran ELM adalah minimum 1 jam bagi hari kerja biasa dan minimum 4 jam bagi cuti mingguan/cuti am.	Bahagian Kew menjelaskan bahawa tujuan surat pekeliling tersebut adalah sebagai pemakluman mengenai kawalan dalaman bagi tuntutan ELM bagi pegawai-pegawai di KPLB. Pegawai dicadangkan/digalakkan mengambil Cuti Gantian dengan kululusan Ketua Jabatan sekiranya tidak menuntut ELM.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Bhg. Kew

3.	Wakil Pembantu Tadbir (P/O) memohon penjelasan berkaitan proses bayaran elaun penangguhan kerja.	Sekiranya berlaku kekosongan dalam sesuatu jawatan, Ketua Jabatan boleh terus membuat arahan tanggung kerja kepada pegawai tanpa menunggu tempoh 28 hari.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2018 Tindakan : Makluman
4.	Terdapat keperluan kakitangan KPLB yang perlu bekerja lebih masa selepas waktu bekerja atas urusan rasmi.	SUBK (KP) bersetuju dengan cadangan ini dan kertas pertimbangan akan diangkat untuk kelulusan YBhg. Dato' Dr. KSU.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Makluman

KATEGORI : KEWANGAN

JUMLAH ISU/CADANGAN : 2

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Bayaran perubatan dialisis yang lewat dikemukakan kepada YBhg. Datuk KSU untuk kelulusan.	Kes tersebut merupakan kes terpencil yang disebabkan oleh tarikh akhir penyata kewangan iaitu pada bulan November 2017.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2018 Tindakan : Makluman
2.	Terdapat tuntutan bayaran rawatan hemodialisis daripada pegawai Bahagian PER bagi bulan Mei dan Jun 2018 belum diterima.	Sekiranya terdapat kes-kes berkaitan kelewatan pembayaran, pegawai tersebut boleh berhubung terus dengan Bahagian berkenaan untuk mendapatkan penjelasan.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2018 Tindakan : Makluman

KATEGORI : PERKHIDMATAN

JUMLAH ISU/CADANGAN : 5

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Pertukaran/pusingan kerja bagi jawatan Pembantu Tadbir Gred N19/N22 yang telah dirancang sejak tahun 2017 belum dilaksanakan.	Bahagian PSM telah melaksanakan pertukaran/pusingan kerja secara berperingkat.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2018 Tindakan : Makluman
2.	Pihak Pekerja memohon agar pusingan kerja bagi kakitangan Gred N19 yang telah lama berkhidmat di Bahagian/Unit dilaksanakan.	Bahagian PSM telah melaksanakan pusingan kerja kepada kakitangan Gred N19 berkuat kuasa 1 Oktober 2018 dan keutamaan diberikan kepada kakitangan yang telah berkhidmat lebih dari lapan (8) tahun di Bahagian/Unit tersebut.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Bhg. PSM
3.	Cadangan agar Pihak Pengurusan membenarkan kursus berbentuk <i>Team Building</i> dilaksanakan mengikut Bahagian/Unit menggunakan peruntukan mengurus masing-masing.	Bahagian/Unit dibenarkan untuk menganjurkan Kursus <i>Team Building</i> diperingkat Bahagian/Unit dengan menggunakan peruntukan bahagian masing-masing dan perlu mematuhi garis panduan yang berkuatkuasa.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Makluman
4.	Cadangan Wakil Pemandu agar Pemandu yang akan bersara di Gred H11 dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke H14.	Bahagian PSM akan mempertimbangkan perkara tersebut tertakluk kepada syarat dan peraturan yang berkuatkuasa.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Makluman

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
5.	Pemakluman berkaitan isu perkhidmatan/kebajikan.	Pihak Kementerian mengambil maklum perkara tersebut.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Makluman

KATEGORI : **SKIM PERKHIDMATAN DAN PERJAWATAN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **2**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Pihak Pekerja memohon pertambahan jawatan baharu di KKLW bukan sahaja melibatkan Kumpulan Pengurusan & Profesional tetapi melibatkan kakitangan di gred sokongan.	Sebanyak 19 jawatan baharu pelbagai skim perkhidmatan dan gred jawatan telah diwujudkan secara tukar lantik (trade off).	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2018 Tindakan : Makluman
2.	Wakil Pembantu Setiausaha Pejabat memaklumkan akan keperluan tambahan satu (1) perjawatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 di Pejabat YB Menteri.	Bahagian PSM masih belum menerima permohonan rasmi dari Pejabat YB Menteri.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Wakil PSP/SP

KATEGORI : **KEBAJIKAN**

JUMLAH ISU/CADANGAN : **1**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Pihak Pekerja memohon penjelasan berkaitan peruntukan bagi pengubahsuaian TASKA yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.	Kerja pengubahsuaian tersebut akan dilaksanakan pada tahun 2019 sekiranya diluluskan oleh Kementerian Kewangan.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2018 Tindakan : Bhg. P

KATEGORI : **PENTADBIRAN**

JUMLAH ISU/CADANGAN : **10**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Terdapat larangan penerimaan surat/parcel melalui perkhidmatan pos yang menggunakan alamat Kementerian.	Bahagian P telah kemukakan surat kepada Pos Laju Putrajaya pada 29 Januari 2018 supaya pihak Pos Laju menambahbaik prosedur dalam urusan penerimaan/pengantaran barangan melalui pos laju di KKLW.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2018 Tindakan : Bhg. P
2.	Cadangan agar dibuat agihan semula Tempat Letak Kenderaan (TLK) kepada pegawai-pegawai yang berkelayakan.	Bahagian P akan mengambil tindakan sewajarnya setelah penyusunan semula struktur organisasi Kementerian	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2018 Tindakan : Makluman

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		<p>dimuktamadkan.</p> <p>10 petak TLK bagi Ahli MBJ KKLW telah diputuskan di aras B4.</p>	
3.	<p>Pihak Pekerja memohon agar <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i>/garis panduan penggunaan Pemandu Eksekutif diperkemaskan.</p>	<p>Senarai tugas bagi setiap pelantikan telah disediakan untuk makluman Pemandu Eksekutif Bahagian/Unit yang dilantik.</p>	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2018 Tindakan : Makluman</p>
4.	<p>Cadangan Pihak Pekerja agar pas keselamatan tidak dihadkan kepada setiap aras tetapi mengikut keperluan semasa.</p>	<p>Bahagian P akan membuat penambahan pas keselamatan bagi Bahagian yang sering menerima bilangan pelawat yang tinggi berdasarkan kepada kekerapan dan purata bilangan pelawat di setiap Bahagian di KPLB.</p>	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2018 Tindakan : Bhg. P</p>
5.	<p>Terdapat beberapa buah kenderaan yang terlalu lama di parkir di dalam lot parking terutama di lot-lot parking terbuka di basement.</p>	<p>Mesyuarat bersetuju supaya ahli MBJ melaporkan terus ke Bahagian P maklumat kenderaan yang didapati parkir terlalu lama berserta gambar kenderaan tersebut untuk tindakan lanjut.</p>	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2018 Tindakan : Makluman</p>
6.	<p>Cadangan agar disediakan laluan pejalan kaki antara kawasan meletak kenderaan (berhampiran bangunan KPLB dan AGC) dan bangunan KPLB.</p>	<p>Bahagian P turut mengemukakan cadangan/aduan tersebut melalui aduan online PPJ bertarikh 13 Oktober 2018 memandangkan tiada maklum balas yang diterima daripada pihak PJH.</p>	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Bhg. P</p>

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
7.	Cadangan agar palang had ketinggian kenderaan disediakan sebelum laluan turun ke kawasan tempat letak kenderaan Aras B1, KPLB. Ini kerana terdapat kes kenderaan yang telah melanggar <i>Fire Sprinkler</i> .	Laporan pelanggaran ini juga telah dikemukakan kepada SUBK (Pengurusan) KKMM dan Bahagian Khidmat Pengurusan KKMM pada 31 Julai 2018 untuk makluman dan tindakan lanjut pihak KKMM.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Bhg. P
8.	Terdapat kenderaan yang diletakkan di kawasan pusat pengumpulan sampah di Aras B1, KPLB.	Tindakan <i>clamping</i> akan dilaksanakan oleh Bahagian P sekiranya terdapat kenderaan diletakkan di tempat tersebut.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Bhg. P
9.	Pembantu Operasi dan Pemandu KPLB tidak berpuas hati dengan kualiti pakaian seragam yang dibekalkan pada tahun ini.	Pada tahun 2019, Kementerian akan membekalkan kain dan diagihkan kepada pegawai untuk menguruskan sendiri jahitan pakaian sebagaimana yang telah dipersetujui.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Bhg. P
10.	Pihak Pekerja mencadangkan Bahagian P menetapkan had masa untuk mengeluarkan kad pelawat sehingga 12.45 tengah hari agar pelawat tidak berlegar-legar di ruang pejabat pada waktu rehat.	Bahagian P telah menetapkan kad akses bagi pelawat dihadkan sehingga jam 1.00 petang sahaja. Pelawat hanya dibenarkan untuk mendapat kad akses semula pada jam 2.00 petang.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Bhg. P

KATEGORI : **HAL-HAL LAIN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **4**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPIADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Pihak Pekerja memohon agar pemakaian baju korporat yang lama (logo KKLW) dibenarkan untuk dipakai setiap hari Selasa seperti memo yang telah dikeluarkan.	Bahagian P memaklumkan pemakaian baju korporat yang lama (logo KKLW) masih boleh dipakai.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2018 Tindakan : Makluman
2.	Cadangan supaya penapis air disediakan di setiap Bahagian/Unit.	Kerja-kerja pemasangan penapis air di setiap Bahagian/Unit telah siap dilaksanakan pada 3 hingga 5 September 2018 termasuk di surau KPLB.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2018 Tindakan : Bhg. P
3.	Pihak Pekerja memohon agar penguatkuasaan yang lebih ketat terhadap larangan merokok di bangunan KPLB.	Kementerian perlu menerapkan budaya menjaga kebersihan dan menghormati orang lain dalam perkara tersebut.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2018 Tindakan : Bhg. P
4.	Pihak Pekerja memohon penjelasan berkaitan perkhidmatan mesin RHB ATM di lobi KPLB yang telah ditamatkan perkhidmatannya pada 13 April 2018 sama ada akan ada penggantian mesin baru atau tiada.	Bahagian P telah membuat pelawaan kepada Bank Muamalat selaku bank gaji KPLB untuk menyediakan kemudahan ini.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2018 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2018 Tindakan : Bhg. P

Disediakan oleh:

Urus Setia Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
(Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)